

3 JAN 1996

Agong - Perutusan

PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA JENERAL THAN SHWE DARI MYANMAR

KUALA LUMPUR, 3 JAN (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Ketua Negara dan Kerajaan Myanmar Jen Than Shwe sempena dengan ulang tahun ke-48 Hari Kemerdekaan negara itu.

Tuanku Ja'afar turut menyampaikan ucapan tahniah kepada rakyat Myanmar, demikian menurut kenyataan Wisma Putra.

Seri Paduka yakin hubungan erat yang sedia terjalin antara Myanmar dan Malaysia akan terus dipertingkatkan dalam tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan yang serupa kepada Jen Than Shwe, yang juga Pengerusi Kesatuan Majlis Undang-undang Negara dan Pemulihan Orde Myanmar.

Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, Dr Mahathir menyampaikan ucapan tahniah dan selamat maju jaya kepada rakyat Myanmar.

Beliau yakin hubungan baik yang sedia wujud antara kedua-dua negara akan terus dipelihara dan dipertingkatkan untuk kebaikan bersama rakyat.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi turut menghantar perutusan tahniah kepada rakan sejawatannya, Ohn Gyaw dan berharap hubungan baik antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan lagi. -- BERNAMA